

Terma dan Syarat Perkhidmatan OCBC OneLook

1. Terma dan syarat ini ("Terma") bersama dengan Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC mengawal Perkhidmatan OCBC OneLook yang disediakan oleh OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad (mana-mana satu daripadanya, "OCBC" (mengikut kesesuaian) dan termasuk pengganti serta pihak yang menerima serahan haknya). Sekiranya terdapat sebarang konflik, maka setakat konflik tersebut, Terma ini akan mengatasi Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC setakat mana Terma ini terpakai kepada Perkhidmatan OCBC OneLook. Melainkan konteks memerlukan sebaliknya:

"Arahan" seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC merangkumi arahan, komunikasi, perintah kepada OCBC yang dimulakan dan dikeluarkan melalui penggunaan ID Log Masuk dan ID Wajah (seperti yang ditakrifkan di bawah), sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan oleh Pelanggan.

"Peranti Akses" seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC merangkumi "Peranti Mudah Alih" sebagaimana yang ditakrifkan dalam Klausula 2 Terma ini.

"Perkhidmatan" atau "Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC" seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC akan termasuk Perkhidmatan OCBC OneLook.

"Transaksi" atau "transaksi" (termasuk rujukan masing-masing dalam bentuk jamak) akan termasuk transaksi di bawah Perkhidmatan OCBC OneLook.

2. Aplikasi perbankan mudah alih Perkhidmatan OCBC OneLook boleh dimuat turun dan dipasang untuk digunakan dalam sistem iOS dengan ciri pengecaman wajah yang beroperasi menggunakan sistem iOS 11 atau sistem yang lebih baharu ("Peranti Mudah Alih"), dan dengan ID Wajah yang telah didaftarkan. ID Wajah ialah ciri pengecaman wajah yang direka dan dimiliki oleh Apple Inc. Perkhidmatan OCBC OneLook mungkin tidak berfungsi dalam Peranti Mudah Alih yang mengandungi aplikasi yang tidak dibenarkan oleh Apple Inc.
3. Perkhidmatan OCBC OneLook hanya tersedia kepada pelanggan OCBC yang merupakan pengguna sah Perkhidmatan Perbankan Dalam Talian OCBC dan telah mendaftar untuk Perkhidmatan OCBC OneLook mengikut cara yang ditetapkan oleh OCBC dari semasa ke semasa ("Pelanggan"). Pelanggan boleh menamatkan penggunaan Perkhidmatan OCBC OneLook dengan mengikuti proses penyahaktifan yang ditetapkan oleh OCBC dari semasa ke semasa.
4. Setelah pendaftaran untuk Perkhidmatan OCBC OneLook berjaya dilakukan, maklumat akaun Pelanggan boleh diakses melalui ID Wajah yang didaftarkan untuk Peranti Mudah Alih tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab tunggal Pelanggan untuk memastikan keselamatan fizikal Peranti Mudah Alih; akses kepada Peranti Mudah Alih, Perkhidmatan OCBC OneLook, serta maklumat akaun Pelanggan yang diakses melalui Perkhidmatan OCBC OneLook. OCBC tidak mempunyai obligasi (tetapi boleh, mengikut budi bicaranya) untuk menasihati Pelanggan mengenai sebarang langkah keselamatan.
5. Untuk tujuan akses anda kepada Perkhidmatan OCBC OneLook, maklumat anda termasuk ID Wajah akan dikomunikasikan kepada dan diproses oleh OCBC.

6. Terma ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia di Kuala Lumpur akan mempunyai bidang kuasa tidak eksklusif berkaitan dengan sebarang tindakan undang-undang atau prosiding yang berpunca daripada atau berkaitan dengan Terma ini dan/atau Perkhidmatan OCBC OneLook.